

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 FEBRUARI 2023
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4

Kerjasama swasta perkasanan TVET

Kerjasama swasta perkasanan TVET

PUTRAJAYA – Kerajaan bercadang mewujudkan kerjasama strategik dengan pemain industri swasta bagi memperkasakan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), sekali gus berupaya menyelesaikan masalah melibatkan latihan tidak diperlukan kumpulan terbabit.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerjasama antara pihak swasta terlibat dengan pusat pengajian TVET itu bakal membolehkan pelajar mendapat latihan sebaiknya, selain memperoleh pendapatan munasabah.

"Peruntukan untuk TVET ini mengikut belanjawan tahun lalu ialah sekitar RM6.7 billion merangkumi pelbagai kementerian, jabatan dan agensi. Ia ada 500 institusi kemahiran latihan awam (ILKA) dengan jumlah pelajar sekitar RM250,000.

Jadi, saya usulkan supaya ada langkah segera kerana kita ada kajian dan jawatankuasa untuk pastikan anak-anak ini dilatih dan dapat pekerjaan dengan pendapatan munasabah," katanya di sini semalam.

Perdana Menteri berkata, melalui kerjasama itu, kerajaan mencadangkan pihak swasta melatih, mengurus dan menggunakan kepakaran bagi mem-

nuhi skop keperluan diperlukan industri berkenaan.

"Maka kita cadangkan umpannya, TVET atau Institut latihan di Pengerang, maka kita minta diambil alih oleh Petronas untuk melatih, mengurus dan guna kepakaran bagi menuhi keperluan mereka.

"Kita ada juga DRB-Hicom di Pekan, maka dalam bidang automotif dan berkaitan boleh diambil (pihak swasta) dan jalan-jalan (latihan).

"Kita juga ada berbincang dengan Sunway dan mereka boleh ambil alih di Ipoh untuk penuhi bahagian perhotelan serta pelancongan," ujarnya.

Pada masa sama, Anwar berkata, jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi akan mengenal pasti syarikat swasta yang boleh membantu institusi TVET.

Ia katanya, bagi menyelesaikan masalah berkaitan *mis match* seperti latihan tidak diperlukan industri serta kemudahan kurang memuaskan.

"Ini keputusan besar dan minta tindakan diambil segera, selainnya kita akan jelaskan dalam pembentangan belanjawan pada 24 Februari ini," katanya.



PIHAK Industri disaran melatih dan menggunakan kepakaran pelajar TVET agar mereka mendapat imbuhan setimpal. – GAMBAR HIASAN